

23/09/1999

Singkatan Universiti Teknologi Mara keliru

UNIVERSITI Teknologi Malaysia (UTM) menyarankan supaya nama singkatan bakal digunakan Universiti Teknologi Mara diumumkan secepat mungkin bagi mengelak kekeliruan di kalangan masyarakat umum.

Walaupun perkara itu kelihatan remeh, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTM, Prof Dr Mohd Zulkifli Tan Sri Mohd Ghazali, menyifatkan ia memberi kesan terhadap pelajar, kakitangan akademik dan universitinya ketika mereka berurusan atau menghadiri seminar serta persidangan luar.

Menurutnya, pengumuman rasmi bagi nama singkatan Universiti Teknologi Mara harus dilaksanakan segera dalam usaha mengekalkan identiti sedia ada.

Beliau berkata, seperti Universiti Teknologi Malaysia sendiri, singkatan perkataan UTM atau Unitekma adalah perkataan sinonim yang biasa diguna pakai sejak sekian lama.

"Ramai orang mengetahui bahawa nama singkatan UTM adalah merujuk pada Universiti Teknologi Malaysia tetapi sejak kebelakangan ini, ada sedikit kekeliruan walaupun tidak menimbulkan masalah besar.

"Di samping itu, beberapa media massa turut menggunakan pelbagai singkatan nama berlainan bagi merujuk Universiti Teknologi Mara seperti Unitekma, UTM, UTMara serta UniMara.

"Kepelbagaian singkatan nama itu sudah cukup mengelirukan pembaca serta pelajar di universiti terbabit. Oleh itu, seharusnya ada langkah perlu diambil untuk menyelesaikan perkara berkenaan," katanya.

Pada 26 Ogos lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan pertemuan dengan lebih 15,000 pelajar Institut Teknologi Mara (ITM) dan bekas pelajarnya, mengumumkan kenaikan taraf institut itu menjadi Universiti Teknologi Mara.

Perdana Menteri dipetik sebagai berkata, perkara itu sudah ditangguhkan terlalu lama sedangkan ITM kini sudah berkembang pesat dan melahirkan ramai siswazah yang cemerlang serta memainkan fungsi penting dalam pembangunan negara.

Mohd Zulkifli berkata, ada pelajarnya yang menghadiri seminar kepimpinan mahasiswa institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Kuala Lumpur bulan lalu, dalam pertemuan dengan beberapa menteri termasuk Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, sudah mengemukakan perkara berkaitan nama singkatan bagi Universiti Teknologi Mara.

(END)